

11 MAY 1999

Kelantan-Kerjasama

KELANTAN TETAP BEKERJASAMA DENGAN PUSAT BASMI KEMISKINAN

KOTA BAHARU, 11 Mei (Bernama) -- Kerajaan negeri Kelantan telah lama menjalin kerjasama dengan kerajaan pusat dalam usaha mengurangkan kadar kemiskinan di negeri itu, kata Menteri Besar Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat.

"Tidak timbul masalah tiada kerjasama kerana tanpa bantuan kerajaan pusat segala perancangan yang dilakukan akan gagal kerana Kelantan adalah negeri yang miskin," katanya kepada pemberita di pejabatnya di sini, hari ini.

Beliau berkata kerajaan negeri mengakui bahawa Kelantan adalah negeri yang termiskin berbanding negeri lain tetapi pelbagai perancangan dilakukan untuk menambahkan pendapatan rakyat.

Peluang-peluang pekerjaan diwujudkan bagi rakyat, antaranya melaksanakan projek pelabuhan ikan di Tok Bali, kilang simen di Gua Musang dan pembinaan bandar baru Tumpat, katanya ketika diminta mengulas kenyataan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang meminta semua kerajaan negeri meningkatkan kerjasama dengan pusat untuk membasmi kemiskinan rakyat.

"Setakat ini kerjasama di antara kerajaan negeri dan kerajaan pusat adalah baik, cuma saya harap tidak ada sekatan, tidak ada gangguan daripada orang politik di negeri ini," katanya.

Katanya, kerjasama yang dilakukan seperti merancang kehadiran Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke Kelantan untuk melihat perkembangan yang berlaku membuktikan kerjasama erat di antara kerajaan negeri dan pusat.

Sementara itu, Nik Aziz berkata kerjasama yang dijalin oleh parti-parti pembangkang sejak kebelakangan ini adalah semata-mata untuk menumbangkan kerajaan Barisan Nasional.

"Tidak timbul usaha untuk membentuk kerajaan Islam yang diperjuangkan oleh Pas," katanya ketika diminta mengulas kenyataan Setiausaha Agung DAP Lim Kit Siang dan Pengerusi DAP Wilayah Persekutuan, Dr Tan Seng Giaw bahawa parti itu akan menentang usaha membentuk kerajaan Islam yang diperjuangkan Pas.

"Pas sendiri ada tujuan, begitu juga dengan DAP dalam hubungan kerjasama iaitu untuk memastikan BN dapat ditumbangkan dalam pilihan raya umum akan datang," kata beliau.

-- BERNAMA

ANM AKD